

Adaptasi Budaya Melayu Dalam Kalangan Masyarakat Iban Di Lumut, Perak

The Adaptation Of Malay Culture Among Iban Community In Lumut, Perak

Debbie Andrew

¹Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Program Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹yuszaidy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini mengenai masyarakat Iban yang menetap di Lumut, Perak. Kajian ini bertujuan mengkaji mengenai adaptasi budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Iban yang telah migrasi disebabkan pekerjaan. Permasalahan kajian ini adalah bagaimana kalangan masyarakat Iban boleh menerima budaya Melayu dan adaptasi dalam kehidupan sehari-hari. Objektif kajian ini adalah menganalisis mengenai adaptasi budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Iban di Lumut, Perak. Metodologi penyelidikan kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dan temubual dalam usaha memperoleh data yang berkaitan dengan penyelidikan. Kajian ini juga disokong dengan bahan sekunder yang diperolehi daripada kajian keperpustakaan. Hasil dapatan mendapati budaya yang diamalkan oleh masyarakat Iban sebelum ini tidak menjelaskan identiti dan jati diri. Hasil kajian menjelaskan budaya yang masyarakat Iban amalkan telah diadaptasikan mengikut kesesuaian dan persekitaran mereka. Masyarakat Iban di Lumut, Perak dapat menjalani kehidupan dengan aman dan tanpa ada prasangka terhadap masyarakat tempatan. Sumbangan kajian ini dapat memberi penambah baik kosa ilmu pengetahuan dan menjelaskan kepada generasi muda masyarakat Iban perlu keluar daripada lingkungan kehidupan mereka.

Kata kunci: Adaptasi, identiti, jati diri, kesesuaian, ilmu pengetahuan

ABSTRACT

This paper is about the Iban community living in Lumut, Perak. This study aims to investigate the adaptation of Malay culture among the Iban community has been the migration of its work. The problem of this study is how the Iban community can receive the Malay culture and adaptation in daily life. The objective of this study is to analyze the cultural adaptation among the Iban community in Lumut, Perak. The research methodology of this study uses qualitative research. This study uses field research and interview methods in an effort to obtain research relevant data. This study was also supported by secondary material obtained

from the library review. The findings found out that the culture practiced by the Iban community previously did not affect the identity. The results of the study explain that the Iban community practices has been adapted according to their suitability and environment. The Iban community in Lumut, Perak can live peacefully without prejudice against the local community. The contribution of this study can provide an improvement in the vocabulary of knowledge and explain to the younger generation of the Iban community need to get out of their circle life.

Keyword: Adaptation, identity, suitability, knowledge

1. Pengenalan

Penempatan awal orang Iban di Sarawak ditemui di Bahagian Sri Aman setelah berhijrah dari Kapuas Kalimantan Barat Indonesia menurut Jemat Umpor dalam buku Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban yang ditulis oleh Noriah Tugang (2014). Pada masa itu, majoriti penduduk yang menetap di Bahagian Sri Aman terdiri daripada kaum Iban setelah berhijrah dari Kapuas dan mengamalkan penanaman padi kaedah tradisional serta memburu haiwan bagi tujuan ekonomi sara diri. Pada masa kini, kependudukan kaum Iban tertumpu di bahagian barat laut Kepulauan Borneo dan kebanyakannya kaum Iban tinggal di negeri Sarawak manakala terdapat sebilangan yang mendiami kawasan sekitar Sungai Kapuas, Kalimantan Barat Indonesia. Penghijrahan kaum Iban bermula apabila setelah orang Iban menetap lama di sepanjang Sungai Merakai, Indonesia, salah seorang ketua kaum Iban yang bernama Gelungan membuat keputusan untuk keluar dari kawasan tersebut bersama-sama pengikutnya untuk mencari lokasi penempatan baru yang lebih baik dan selesa.

Penghijrahan masyarakat Iban ke semenanjung adalah disebabkan faktor utama iaitu peluang pekerjaan yang banyak. Masyarakat Iban yang bermigrasi ke Lumut, Perak kebanyakannya mencebur ke bidang badan beruniform iaitu tentera laut yang menyebabkan bilangan masyarakat Iban menjadi semakin ramai di kawasan tersebut. Bilangan tersebut menjadikan masyarakat Iban yang mendiami kawasan tersebut menjadi sebuah komuniti kecil yang masih mengamalkan budaya Iban seperti di Sarawak. Walau bagaimanapun, pengamalan budaya Iban yang diamalkan adalah bersesuaian dengan persekitaran serta gaya hidup yang diamalkan kerana mereka merupakan masyarakat minoriti yang menerima budaya masyarakat majoriti. Oleh hal yang demikian berlakunya penyesuaian dalam budaya Iban yang diamalkan sesuai tuntutan persekitaran sehingga mereka boleh meneruskan kelangsungan hidup tanpa kehilangan identiti dan jati diri yang sedia ada dalam diri mereka sejak kecil.

2. Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan terhadap tradisi budaya masyarakat Iban di Sarawak namun kebanyakannya kajian yang memfokuskan kepada adaptasi budaya yang berlaku dalam masyarakat Iban sudah jarang berlaku. Hal ini kerana, kajian ini lebih menumpukan kepada bagaimana sebuah masyarakat minoriti menerima budaya masyarakat majoriti di tempat baru. Selain itu, kajian ini menumpukan kepada kosa ilmu pengetahuan mengenai pengekalan identiti dan jati diri walaupun berlaku penyesuaian budaya bagi tuntutan persekitaran. Kebanyakannya kajian lepas lebih tertumpu kepada warisan tradisi masyarakat Iban seperti warisan ketara. Khazanah masyarakat Iban yang popular seperti pua,

ilang dan terubai, topeng, tajau mempunyai nilai estetika serta membuktikan kewujudan mereka di bumi ini. (Juliza Anak Kennedy, 2007).

Masyarakat Iban yang masih mengamalkan adat lama amat teguh dengan pelbagai kepercayaan yang diwarisinya dari nenek moyang mereka. Salah satu kepercayaan yang masih menjadi pegangan hidup mereka ialah mempunyai kepercayaan bahawa Ilang dan Nyabur mempunyai kuasa yang luarbiasa. Kuasa dan keajaiban Ilang dan Nyabur dipercayai berpunca daripada besi dan tembaga yang digunakan oleh tukang kambuh dan juga pemilik senjata itu sendiri. Selain daripada itu, masyarakat iban percaya bahawa Ilang atau Nyabur yang bertatah tembaga dan telah digunakan untuk memenggal kepala musuh mampu mengubat penyakit merbahaya seperti kayap. (Amee Joan, 2015)

Bagi aspek sosial dan adat tradisi di Sarawak, masyarakat Iban mendiami rumah panjang sejak dari zaman dahulu. Rumah panjang merupakan kediaman utama bagi kaum Iban. Setiap rumah panjang ini diketuai oleh seorang ketua rumah yang dikenali sebagai ‘Tuai Rumah’. Ngayau ialah salah satu daripada ekspedisi serangan yang dilakukan dalam adat tradisi suku kaum dayak Iban pada suatu masa dahulu. (Haslinda, Md. Nazri, 2018) Ngayau bermaksud sekumpulan besar manusia berhimpun dan berkumpul menjadikan satu kelompok yang besar setelah dipanggil oleh seorang ketua dan merancang untuk mengatur satu serangan terhadap pihak musuh iaitu mereka datang beramai-ramai daripada rumah panjang yang berlainan.

Masyarakat Iban di Sarawak kebanyakkan sudah menganuti agama dan tidak berpegang kepada kepercayaan Iban yang diamalkan nenek moyang. Masyarakat Iban mempunyai sistem kepercayaan warisan yang percaya akan dewa dewi, hantu, semangat dan juga alam kematian yang dikenali sebagai *menuasebayan* bagi permohonan bantuan (Anna Durin, 2011). Hal ini berlaku disebabkan pada masa dahulu kehidupan mereka adalah ringkas serta tanpa bantuan teknologi moden yang menyebabkan mereka bergantung kuat kepada kewujudan dewa dewi.

Masyarakat Iban turut mempunyai harta keturunan yang disebut pusaka. Pusaka dalam bahasa Iban disebut sebagai ‘reta tengkira’. Harta yang menjadi pusaka bagi masyarakat Iban adalah artifak budaya yang tidak dihasilkan dalam budaya Iban, namun diperoleh dengan cara pembelian, pertukaran barang dan juga pemberian atau upah. Terdapat empat jenis pua dalam budaya iban iaitu, *pua kebat*, *pua sungkit*, *pua pilih* dan *pua karap*. Jenis dan identifikasi pua ini dibezakan mengikut jenis material dan teknik pembuatannya. Fungsi pua dalam masyarakat dahulu adalah untuk menyambut kepala musuh yang dibawa dari ekspedisi *Ngayau*. (Norlia Tugang, 2020)

3. Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan dan temu bual serta membuat pemerhatian bagi proses pengumpulan data. Pengkaji melihat sendiri kawasan persekitaran, penduduk dan juga melihat budaya serta gaya hidup yang diamalkan.

3.1 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual yang dijalankan adalah secara dalam talian melalui aplikasi *Whatsapp* dan juga medium Google Meet berikutan penularan pandemik Covid-19. Pengkaji akan menemu bual seramai lima orang informan untuk mendapatkan maklumat dan bahan kajian serta pandangan informan. Pengkaji memfokuskan kepada informan utama yang berasal dari Miri, Sarawak yang telah menetap di kawasan kajian lebih dari 22 tahun sebagai pendukung aktif

sesuatu cerita berkenaan kajian manakala empat informan yang lain adalah sebagai penyokong sumber maklumat kepada informan utama.

3.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan dilakukan dengan meninjau tempat yang menjadi tumpuan oleh pengkaji. Oleh itu, maklumat dan data akan didapati secara langsung daripada masyarakat Iban tersebut. Tempat yang menjadi tumpuan pengkaji ialah di Lumut, Perak.

3.3 Pemerhatian

Pengkaji mengambil maklumat semasa melakukan kajian lapangan di kawasan kajian dengan melihat suasana, reaksi khalayak terhadap sesuatu adat dan gaya hidup masyarakat Iban itu sendiri. Pengkaji menjalankan penyelidikan dengan merasai sendiri bagaimana budaya masyarakat Iban serta melihat penyesuaian budaya yang berlaku dengan mengumpul data-data dari masa ke semasa.

4. Dapatan Dan Perbincangan

Masyarakat Iban mempunyai budaya, adat, kepercayaan, pakaian tradisional dan makan tradisional seperti masyarakat yang lain. Budaya dan tradisi tersebut merupakan identiti dan jati diri masyarakat Iban di Sarawak. Masyarakat Iban mengamalkan budaya dan tradisi dalam kehidupan mereka yang diwarisi daripada nenek moyang sejak dari zaman dahulu. Penghijrahan ke kawasan yang baru menjadi faktor kepada berlakunya penyesuaian budaya yang dilakukan oleh masyarakat Iban bagi kelangsungan hidup di tempat yang baru. Berdasarkan kajian lapangan dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, berlaku penyesuaian budaya pada masyarakat Iban yang menetap di Lumut, Perak.

4.1 Cara Hidup

Cara hidup merupakan segala perlakuan yang dilakukan oleh manusia sejak dari lahir sehingga kepada kematian. Dalam konteks budaya, cara hidup adalah segala yang dilakukan atau perbuatan manusia yang sering dilakukan sehingga menjadi sebuah kebiasaan dalam diri individu dan masyarakat. Cara hidup masyarakat Iban di Sarawak dapat dilihat menerusi cara pemakaian, perayaan, pemakanan dan amalan yang dilakukan oleh mereka. Pengkaji mendapati cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat Iban di Lumut, Perak masih diamalkan seperti perayaan Gawai, pemakaian baju tradisional pada perayaan tertentu dan sebagainya.

4.2 Rumah Panjang

Masyarakat Iban tinggal di rumah panjang sejak dari zaman nenek moyang dan sehingga kini mereka mengekalkan tradisi tersebut. Sebuah rumah panjang mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai ‘tuai rumah’ atau ketua kampung. Tuai rumah merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan di sesebuah rumah panjang. Tuai rumah juga berperanan menentukan kelancaran dalam kegiatan sehari-hari yang dijalankan di sesebuah rumah panjang. Namun berbeza dengan kawasan kajian iaitu Lumut, pengkaji mendapati

bahawa masyarakat Iban di Lumut tidak tinggal di rumah panjang sebaliknya mendiami di kuarters tentera dan rumah-rumah yang terdapat di sekitar kawasan kajian. Namun, pengamalan budaya dan tradisi masih diamalkan oleh masyarakat Iban di Lumut walaupun tidak mendiami rumah panjang.

4.3 Pakaian Tradisional

Pakaian tradisional Iban terdiri daripada kostum dan aksesori seperti Gagong iaitu pakaian lelaki yang diperbuat daripada kulit binatang yang masih terdapat bulu pada kain tersebut manakala Ngepan merupakan pakaian tradisional bagi perempuan iaitu baju tenung yang bermotifkan hiasan, ukiran burung, baju sampan dan baju buri. Aksesori yang sering digunakan oleh masyarakat Iban adalah hiasan kepala (kerapu perak) yang diperbuat daripada tembaga berwarna perak dihiasi dengan bulu burung kenyalang, bulu burung Tajai, bulu burung Ruai serta mengandungi ukiran flora di sekeliling hiasan kepala. Masyarakat Iban lelaki turut memakai sirat yang merupakan sejenis kala cawat yang berukuran lebih kurang 30 kaki dan berwarna merah, hitam, biru tua, putih, coklat serta dihiasi dengan bintik-bintik pada kain tersebut. Masyarakat Iban di Lumut masih mengamalkan pemakaian baju tradisional pada musim perayaan Iban seperti Hari Gawai walaupun mereka tidak melakukan penanaman padi huma seperti tradisi yang dilakukan di Sarawak. Hal ini kerana, kehidupan masyarakat Iban di Lumut sudah lebih moden kerana sudah terdedah kepada arus kemodenan serta mempunyai pekerjaan sebagai ekonomi sara hidup.

Kraf Tangan

Masyarakat Iban zaman dahulu mahir dalam kerja-kerja pembuatan tangan dan hal ini dikenali sebagai tradisi kemahiran yang diwarisi secara turun temurun. Antara kraf tangan yang lazim dihasilkan oleh masyarakat Iban ialah seperti tikai, bakul, seni manik, tudung saji, mengait kain dan sebagainya bagi kegunaan sehari-hari. Hasil kraf tangan juga merupakan sumber mata pencarian bagi masyarakat Iban serta lambang identiti dan jati diri mereka. Masyarakat Iban di Lumut masih mengamalkan tradisi kemahiran ini namun tidak giat seperti di Sarawak. Hal ini kerana, mereka hanya menghasilkan kraf tangan yang tidak lazim seperti seni manik kerana jarang dijual di kawasan Lumut dan penghasilan seni manik bukan bertujuan mencari keuntungan. Malah, mereka hanya mendapatkan barang-barang seperti bakul, tikai, tudung saji dan sebagainya di kedai-kedai berdekatan yang menjualnya kerana lebih mudah didapati.

Pengkaji mendapati bahawa pengamalan tradisi dan budaya Iban masih diamalkan namun berlaku penyesuaian kerana tidak semua amalan tradisi lama dapat diamalkan dengan lengkap seperti menetap di rumah panjang, penanaman padi huma dan sebagainya disebabkan keadaan persekitaran yang tidak sesuai.

5. Rumusan

Masyarakat Iban merupakan kelompok masyarakat yang mengamalkan adat dan tradisi daripada nenek moyang sejak dari masa silam. Namun, pengamalan adat dan tradisi oleh sesetengah masyarakat Iban pada hari ini semakin berkurangan disebabkan faktor-faktor seperti persekitaran, pekerjaan, agama dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak memudarkan identiti dan jati diri masyarakat kerana adat dan tradisi tidak dilupakan oleh mereka, namun hanya disesuaikan mengikut tuntutan persekitaran sebagai kelangsungan

hidup. Selain meneruskan kelangsungan hidup, masyarakat Iban ini juga memastikan pengamalan adat dan tradisi yang diamalkan tidak menjelaskan hubungan harmoni bersama masyarakat majoriti serta menerima budaya baharu tanpa memudarkan identiti dan jati diri sebagai orang Iban.

Rujukan

- Juliza Anak Kennedy. (2007). *Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi Harta Intelek*. UNIMAS: Kota Samarahan
- Noria Tugang. (2020). *Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan dan Pusaka*. Universiti Malaysia Sarawak: Kota Samarahan
- Anna Durin. (2011). Motif-motif Tradisi dalam Budaya Iban Saribas. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Noria Tugang. (2014). *Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Universiti Malaysia Sarawak: Kota Samarahan
- Amee Joan. (2015). Seni Pembuatan Ilang dan Nyabur: Kebanggaan dan Simbol Masyarakat Iban di Sarawak. Universiti Malaysia Sarawak: Kota Samarahan.
- Haslinda & Md Nazri. (2018). Aspek Sosial dan Kebudayaan Masyarakat Iban di Sarawak. Universiti Teknologi Mara: Seri Iskandar Perak